

# 'Saya tidak perlukan sokongan PAS'

BH - 26/2/2019 m/s: 3

➔ PH sudah memiliki lebih separuh kerusi Dewan Rakyat: Dr Mahathir

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@nstp.com.my

■ Klang

**P**erdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak memerlukan sokongan daripada Ahli Parlimen pembangkang, khususnya PAS, sebaliknya hanya perlukan sokongan daripada Ahli Parlimen

Pakatan Harapan (PH) yang mewakili lebih daripada separuh kerusi di Dewan Rakyat.

"Saya perlu sokongan wakil rakyat setakat 50 peratus lebih. Saya tidak perlu sokongan PAS kerana PH sendiri mempunyai lebih separuh kerusi dalam Dewan Rakyat.

## Tak faham sikap pemimpin PAS

"Sokongan itu kepada yang sudah menang bukan sokongan yang nak kalah tapi dia nak bagi menang, tak ada.

"Tapi kalau dia nak sokong, dia sokong lah, tapi tak usahlah cakap tandatangan guna surat nak sokong saya, tak sebut nak sokong PH, tak sebut. Cuma nak sokong saya saja, tapi saya bukan kerajaan, kerajaan mestilah PH," ka-

tanya ketika ditanya adakah beliau benar-benar memerlukan sokongan PAS.

Kelmarin, Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH berkata, beliau tidak faham dengan pendirian tidak tetap PAS dalam menyuarakan sokongan terhadapnya untuk kekal sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, beliau tidak faham sikap pemimpin PAS, iaitu Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Setiausaha Agung, Datuk Takiyuddin Hassan dan Pengarah Pilihan Raya PAS, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar yang berjumpa dengannya serta menyatakan kesediaan mereka untuk menyokongnya, bahkan memberi pengakuan bertulis yang ditan-datangani Takiyuddin.

Namun, katanya, dalam situasi lain parti itu melakukan tindakan

dilihat tidak menyokongnya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mungkin belum mendapat maklumat sepenuhnya dan perlu masa untuk menyiasat dakwaan pemimpin PAS menerima RM90 juta daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

## Perlu masa siasat dakwaan

"Itu MACC (SPRM) kata. MACC mungkin belum mendapat maklumat sepenuhnya. Dia (siasatan) ambil masa.

"Setakat ini banyak lagi pencurian duit oleh Datuk Seri Najib (Razak) yang MACC (SPRM) tidak punya masa untuk selidik. Jadi, ini tidak bermakna bahawa Datuk Seri Najib tidak curi.

"Cuma tidak diselidik lagi. Kita

tunggulah, adakah benar atau tidak," katanya selepas merasmikan loji pembuatan batang tembaga milik Metrod Holdings Bhd di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengasas Metrod, Apurv Bagri; Pengerusi Metrod Holdings Bhd, Datuk Abu Hassan Kendut dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Metrod Holdings Berhad, Rajan Mittal.

Dr Mahathir berkata demikian mengulas sama ada kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdul, bahawa SPRM setakat ini tidak mengesan sebarang transaksi RM90 juta daripada 1MDB disalurkan ke akaun bank rasmi PAS, akan memberi kesan kepada kempen Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Semenyih ketika ini.